



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

—  
VERSI ATAS TALIAN TEKS CETAKAN SEMULA  
YANG KEMAS KINI  
—

**Akta 566**

## **AKTA PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL 1997**

*Sebagaimana pada 1 April 2013*

**AKTA PERBADANAN TABUNG  
PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL 1997**

Tarikh Perkenan Diraja	... ..	18 Jun 1997
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	... ..	30 Jun 1997
Kali terakhir dipinda melalui Akta A1296 yang mula berkuat kuasa pada	... ..	20 Julai 2007

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 566****AKTA PERBADANAN TABUNG  
PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL 1997**

---

**SUSUNAN SEKSYEN**

---

**BAHAGIAN I****PERMULAAN**

Seksyen

- 1.** Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
- 2.** Tafsiran

**BAHAGIAN II****TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL**

- 3.** Penubuhan Kumpulan Wang
- 4.** Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang

**BAHAGIAN III****PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI  
NASIONAL**

- 5.** Penubuhan Perbadanan
- 6.** Meterai perbadanan
- 7.** Lembaga Pengurusan
- 8.** Anggota silih ganti

## BAHAGIAN IV

## FUNGSI DAN KUASA PERBADANAN

Seksyen

- 9.** Fungsi Perbadanan
- 10.** Kuasa Perbadanan
- 11.** Kuasa untuk menerima deposit
- 11A. Jaminan kerajaan
- 12.** Peraturan mengenai deposit
- 13.** Kuasa untuk menubuhkan skim insurans dan skim amanah saham
- 14.** Kuasa untuk meminjam
- 15.** Kuasa untuk melabur
- 15A. Kuasa tambahan Perbadanan
- 16.** Jaminan dan indemniti
- 17.** Jawatankuasa
- 18.** Perwakilan fungsi
- 19.** Kuasa Menteri untuk memberikan arahan

## BAHAGIAN V

## PINJAMAN PENDIDIKAN

- 20.** Peruntukan pinjaman pendidikan dalam anggaran tahunan
- 21.** Pembayaran pinjaman pendidikan
- 22.** Kewajipan menyenggara rekod pinjaman pendidikan
- 22A. Ketua Eksekutif boleh mengeluarkan perakuan kepada Ketua Polis Negara atau Ketua Pengarah Imigresen untuk melarang pelajar penerima daripada meninggalkan Malaysia dalam hal keadaan tertentu
- 23.** Perbadanan hendaklah bertanggungjawab bagi mendapatkan dan memungut bayaran balik pinjaman pendidikan
- 23A. Had masa bagi tindakan yang berasaskan kontrak bagi pinjaman pendidikan
- 24.** Pelantikan ejen pemungutan

25. Lembaga Hasil Dalam Negeri sebagai ejen pemungutan
26. Bermulanya pembayaran balik pinjaman pendidikan
27. Mendapatkan dan memungut bayaran balik pinjaman pendidikan
28. Kaedah sah bagi pemungutan bayaran balik pinjaman pendidikan
29. Majikan hendaklah membantu Perbadanan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri
30. Perakuan Perbadanan adalah muktamad
31. Pembayaran komisen kepada ejen pemungutan

BAHAGIAN VI

PENGERUSI, PEGAWAI, PEKHIDMAT

32. Pengerusi
33. Ketua Eksekutif
34. Pelantikan pegawai dan pekhidmat Perbadanan
35. Pelantikan ejen, perunding, dll.
36. *(Dipotong)*
37. *(Dipotong)*
38. *(Dipotong)*
39. *(Dipotong)*
40. *(Dipotong)*
41. *(Dipotong)*
42. *(Dipotong)*
43. *(Dipotong)*
44. *(Dipotong)*
45. Perbadanan boleh menerima pakai peraturan-peraturan, dsb.
46. Perlindungan daripada liabiliti diri
47. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
48. Pekhidmat awam

## BAHAGIAN VII

## AM

## Seksyen

49. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
- 49A. Penalti bagi perundangan subsidiari
50. Kumpulan Wang Rizab
51. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran
52. Akaun dan laporan
53. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 adalah terpakai
54. Obligasi menyimpan rahsia
55. Penalti dalam hal kesalahan berterusan
56. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
57. Perkara yang dilakukan pada menjangkakan bahawa Akta ini akan diperbuat
58. Penjalanan prosiding sivil
59. Kuasa untuk mengkompaun

## JADUAL

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 566****AKTA PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN  
TINGGI NASIONAL 1997**

Suatu Akta untuk menubuhkan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, untuk memperbadankan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya.

[1 Julai 1997; P.U.(B) 255/1997]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

**BAHAGIAN I****PERMULAAN****Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Tafsiran**

**2.** Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“deposit” ertinya deposit yang diterima oleh Perbadanan di bawah seksyen 11;

“institusi pendidikan tinggi” ertinya—

- (a) sesuatu institusi pengajian yang menyediakan pendidikan yang membawa kepada penganugerahan diploma, ijazah atau yang setaraf dengan diploma atau ijazah yang ditubuhkan di bawah—
  - (i) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*];
  - (ii) Akta Institut Teknologi MARA 1976 [*Akta 173*]; dan
  - (iii) Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*];
- (b) politeknik yang ditubuhkan dan disenggarakan oleh Menteri di bawah Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*]; dan
- (c) mana-mana institusi pendidikan tinggi lain yang ditubuhkan di bawah Akta Pendidikan 1996 dan yang ditentukan oleh Menteri sebagai suatu institusi pendidikan tinggi bagi maksud Akta ini.

“jawatankuasa” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 17;

“Ketua Eksekutif” ertinya pegawai eksekutif utama Perbadanan yang dilantik di bawah seksyen 33;

“Kumpulan Wang” ertinya Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Lembaga” ertinya Lembaga Pengurusan yang ditubuhkan di bawah seksyen 7;

“Lembaga Hasil Dalam Negeri” ertinya Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 [*Akta 533*];



“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi Pengajian Tinggi;

“pelajar” ertinya seseorang yang menerima apa-apa jenis pendidikan, pengajaran atau latihan sepenuh masa atau separuh masa daripada atau di sesuatu institusi pendidikan tinggi;

“pelajar penerima” ertinya seseorang pelajar yang kepadanya telah diluluskan, dan yang menerima, suatu pinjaman pendidikan di bawah Akta ini;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 7(2)(a);

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang ditubuhkan di bawah seksyen 5;

“pinjaman pendidikan” ertinya pinjaman yang diluluskan dan dibayar oleh Perbadanan kepada pelajar di bawah Akta ini.

## BAHAGIAN II

### TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL

#### **Penubuhan Kumpulan Wang**

3. (1) Maka adalah ditubuhkan, bagi maksud Akta ini, suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Tabung Pendidikan Tinggi Nasional” yang hendaklah ditadbirkan dan dikawal oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional.

(2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

(a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan bagi maksud Akta ini;

(b) segala pemberian, derma, hadiah, sumbangan dan bekues yang diberikan kepada atau bagi faedah Perbadanan;

- (c) deposit yang diterima oleh Perbadanan di bawah seksyen 11;
- (d) wang yang diperoleh melalui pengendalian apa-apa projek, agensi, skim atau perusahaan yang dibiayai daripada Kumpulan Wang;
- (e) fi atau caj lain yang dikenakan oleh Perbadanan di bawah Akta ini;
- (f) apa-apa wang sebagaimana yang boleh dibayar dari semasa ke semasa kepada Perbadanan daripada apa-apa pembiayaan atau bantuan kewangan yang diberikan oleh Perbadanan, dan segala wang yang dari semasa ke semasa kena dibayar kepada Perbadanan berkenaan dengan pembayaran balik apa-apa pembiayaan atau bantuan kewangan, termasuk pinjaman pendidikan, yang diberikan daripada Kumpulan Wang;
- (g) wang yang dipinjam oleh Perbadanan di bawah seksyen 14;
- (h) apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, pajakan, sewaan, gadaian atau debentur yang diperoleh oleh atau terletak hak oleh Perbadanan;
- (i) wang yang didapati atau berbangkit daripada apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, pajakan, sewaan, gadaian atau debentur yang diperoleh oleh atau terletak hak pada Perbadanan;
- (j) semua wang atau harta lain yang mungkin dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Perbadanan berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi-fungsi, kuasa-kuasa atau kewajipan-kewajipannya; dan
- (k) semua wang lain yang diterima secara sah oleh Perbadanan.

**Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang**

4. Kumpulan Wang boleh dibelanjakan bagi maksud—
- (a) memberikan pinjaman pendidikan kepada pelajar bagi pembayaran fi, kelengkapan dan bantuan pendidikan, dan perbelanjaan kos kehidupan semasa tempoh pengajian pelajar itu di institusi pendidikan tinggi;
  - (b) membiayai, atau memberikan bantuan kewangan kepada, pelajar di institusi pendidikan tinggi selain dalam bentuk pinjaman pendidikan;
  - (c) menubuhkan skim insurans dan skim amanah saham;
  - (d) membayar balik pinjaman dan apa-apa belanja pasti dan perbelanjaan lain yang dibenarkan oleh Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
  - (e) belanja pentadbiran termasuk saraan, faedah persaraan, gratuiti dan elaun lain pegawai dan pekhidmat Perbadanan; dan
  - (f) perbelanjaan lain yang bersampingan dengan pengurusan Kumpulan Wang dan fungsi Perbadanan termasuk apa-apa wang yang diperlukan untuk menunaikan apa-apa penghakiman, keputusan, atau award oleh mana-mana mahkamah atau tribunal terhadap Perbadanan, atau mana-mana anggota Lembaga atau mana-mana jawatankuasa, atau mana-mana pegawai, pekhidmat atau ejen Perbadanan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, kecuaiian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dalam menjalankan fungsi Perbadanan.

## BAHAGIAN III

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI  
NASIONAL**Penubuhan Perbadanan**

5. (1) Maka adalah ditubuhkan suatu pertubuhan perbadanan yang dinamakan “Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional” yang hendaklah bertanggungjawab bagi pengurusan Kumpulan Wang.

(2) Perbadanan adalah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan, dan boleh membawa guaman dan dibawa guaman atas namanya.

(3) Tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, Perbadanan, atas apa-apa terma yang difikirkan patut, boleh—

- (a) membuat kontrak;
- (b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih; dan
- (c) memindahkan, menyerahkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemiskan, menyerahkan semula, memindahmilikkan, atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai—
  - (i) apa-apa harta alih atau tak alih; dan
  - (ii) apa-apa kepentingan mengenai apa-apa harta alih atau tak alih,

yang terletak hak pada Perbadanan.

### **Meterai perbadanan**

6. (1) Meterai perbadanan Perbadanan hendaklah mengandungi reka bentuk yang diluluskan oleh Perbadanan dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baru oleh Perbadanan sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan Ketua Eksekutif dan hendaklah disahkan olehnya atau oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Perbadanan secara bertulis.

(3) Segala surat ikatan, dokumen, dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai perbadanan dan disahkan mengikut subseksyen (2) hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), apa-apa dokumen atau surat cara yang sekiranya disempurnakan oleh seseorang yang bukan pertubuhan perbadanan tidak akan dikehendaki dimeteraikan boleh dengan cara yang sama disempurnakan oleh Perbadanan, dan apa-apa dokumen atau surat cara sedemikian boleh disempurnakan bagi pihak Perbadanan oleh mana-mana pegawai atau pekhidmat Perbadanan yang diberi kuasa secara am atau khas oleh Perbadanan bagi maksud itu.

(5) Meterai perbadanan Perbadanan hendaklah diiktiraf secara rasmi dan kehakiman.

### **Lembaga Pengurusan**

7. (1) Maka adalah ditubuhkan Lembaga Pengurusan Perbadanan yang hendaklah menjalankan kuasa dan melaksanakan fungsi Perbadanan.

- (2) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:
- (a) Pengerusi;
  - (b) Peguam Negara atau wakilnya;
  - (c) Ketua Setiausaha Negara Kementerian Kewangan atau wakilnya;
  - (d) Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi atau wakilnya;
  - (da) Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran atau wakilnya;
  - (e) ketua pegawai eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri atau wakilnya;
  - (f) Ketua Eksekutif; dan
  - (g) tidak lebih daripada lima orang anggota yang lain.

(3) Pengerusi dan anggota Lembaga di bawah perenggan 2(g) hendaklah dilantik oleh Menteri.

(4) Pengerusi dan anggota Lembaga di bawah perenggan (2)(g) hendaklah terdiri daripada kalangan orang yang berjaya, mempunyai kedudukan dan berpengalaman dalam bidang akademik atau daripada kalangan profesional yang mempunyai pengalaman yang relevan dalam hal-hal pendidikan, kewangan atau komersial.

**Anggota silih ganti**

8. (1) Menteri boleh melantik seorang anggota silih ganti berkenaan dengan setiap anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 7(2)(f) dan 7(2)(g) untuk menghadiri mesyuarat Lembaga sebagai ganti anggota itu jika anggota itu tidak dapat hadir atas apa-apa sebab.

(2) Apabila menghadiri mesyuarat Lembaga sebagai ganti seseorang anggota, seseorang anggota silih ganti atau wakil seseorang anggota hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai anggota Lembaga.

(3) Seseorang anggota silih ganti boleh meletakkan jawatan pada bila-bila masa dengan memberikan satu bulan notis secara bertulis kepada Menteri.

(4) Peruntukan Jadual hendaklah terpakai bagi anggota Lembaga.

BAHAGIAN IV

FUNGSI DAN KUASA PERBADANAN

**Fungsi Perbadanan**

9. Fungsi Perbadanan ialah—

- (a) untuk mengadakan dan memberikan pinjaman pendidikan dan bantuan kewangan selain pinjaman pendidikan kepada pelajar, dan untuk mengadakan perkhidmatan mentadbir, mengawas dan memungut bayaran balik pinjaman;

- (b) untuk memungut deposit dan mereka bentuk dan menyediakan skim simpanan bagi maksud menyimpan bagi tujuan pendidikan tinggi; dan
- (c) untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberikan kepada Perbadanan oleh mana-mana undang-undang bertulis.

### **Kuasa Perbadanan**

**10.** (1) Perbadanan hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan semua perkara yang suai manfaat atau semunasabahnya perlu bagi atau bersampingan dengan penjalanan fungsinya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna subseksyen (1), kuasa Perbadanan adalah termasuk kuasa—

- (a) untuk membuat kontrak;
- (b) untuk menggunakan semua harta Perbadanan, alih atau tak alih, untuk kepentingan Kumpulan Wang mengikut cara yang difikirkan suai manfaat oleh Perbadanan termasuk memperdapatkan pinjaman dengan menggadai janji harta itu;
- (c) untuk terlibat dalam apa-apa aktiviti, sama ada secara sendirian atau bergabung dengan organisasi lain, bagi maksud menyelaraskan, memperkemas atau merasionalkan pemberian dan pentadbiran pinjaman pendidikan kepada pelajar yang menuntut di institusi pendidikan tinggi;
- (d) untuk mengenakan fi atau bayaran pentadbiran bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Perbadanan;



- (e) untuk memberikan pinjaman dan membuat pendahuluan kepada pegawai dan pekhidmat Perbadanan bagi apa-apa maksud yang diluluskan secara khusus oleh Perbadanan;
- (f) untuk menyediakan kemudahan rekreasi dan megalakkan aktiviti rekreasi, dan aktiviti yang sesuai bagi, kebajikan pegawai dan pekhidmat Perbadanan;
- (g) untuk menyediakan latihan bagi pegawai dan pekhidmat Perbadanan dan untuk memberikan pinjaman atau selainnya membayar bagi latihan itu; dan
- (h) untuk membuat apa-apa jua yang bersampingan dengan mana-mana kuasanya.

### **Kuasa untuk menerima deposit**

**11.** Perbadanan boleh menerima deposit daripada seseorang yang berwarganegara Malaysia bagi maksud menyimpan bagi tujuan pendidikan tinggi untuk dirinya sendiri atau mana-mana orang lain.

### **Jaminan kerajaan**

**11A.** Pembayaran balik semua wang yang didepositkan dalam Perbadanan termasuk dividen adalah dijamin oleh Kerajaan dan sekiranya Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dan Kumpulan Wang Rizab Perbadanan adalah tidak mencukupi untuk membayar tuntutan yang sah di sisi undang-undang daripada tiap-tiap pendeposit, maka kekurangan itu hendaklah dipertanggungjawabkan pada dan dibayar daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan dan Menteri hendaklah membuat suatu perakuan mengenai kekurangan itu kepada Dewan Rakyat dengan seberapa awal yang mungkin.

**Peraturan mengenai deposit**

**12.** Perbadanan, dengan kelulusan Menteri Kewangan berhubung dengan deposit di bawah seksyen 11, boleh membuat peraturan-peraturan mengenai—

- (a) cara dan terma dan syarat yang di bawahnya deposit ke dalam Kumpulan Wang hendaklah dibuat;
- (b) peruntukan supaya akaun yang berasingan disimpan bagi setiap pendeposit;
- (c) cara dan terma dan syarat di bawahnya pengeluaran hendaklah dibuat daripada apa-apa amaun yang ada pada kredit akaun pendeposit;
- (d) keterangan yang hendaklah dikemukakan apabila dibuat apa-apa permohonan bagi pengeluaran; dan
- (e) apa-apa perkara lain yang berhubung dengan pembuatan, dan pengeluaran, deposit.

**Kuasa untuk menubuhkan skim insurans dan skim amanah saham**

**13.** (1) Perbadanan, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, boleh menubuhkan skim insurans dan skim amanah saham, sama ada secara sendirian atau bergabung dengan badan, institusi atau organisasi lain, bagi maksud menggalakkan pembuatan deposit di bawah seksyen 11.

(2) Penubuhan skim insurans atau skim amanah saham dalam subseksyen (1) adalah tertakluk kepada kehendak dan tatacara undang-undang bertulis yang relevan.

**Kuasa untuk meminjam**

14. Perbadanan boleh meminjam, dari semasa ke semasa, dalam apa-apa bentuk dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma dan syarat tentang masa dan kaedah pembayaran balik dan selainnya, sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan, apa-apa wang yang diperlukan oleh Perbadanan bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau bagi melaksanakan mana-mana fungsinya atau menjalankan mana-mana kuasanya.

**Kuasa untuk melabur**

15. (1) Wang dalam Kumpulan Wang, setakat yang tidak dikehendaki segera untuk dibelanjakan oleh Perbadanan di bawah Akta ini, hendaklah dilaburkan keseluruhannya dalam pelaburan di Malaysia mengikut subseksyen (2).

(2) Wang dalam Kumpulan Wang dalam subseksyen (1) boleh dilaburkan dalam—

(a) sekuriti Kerajaan;

(b) pelaburan yang dibenarkan oleh atau di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 [*Akta 208*]; dan

(c) sekuriti atau pelaburan lain yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “sekuriti” mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepada “sekuriti” di bawah seksyen 2 Akta Perindustrian Sekuriti 1983 [*Akta 280*].

**Kuasa tambahan Perbadanan**

**15A.** Perbadanan boleh, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan—

- (a) jika didapati perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan penunaian fungsi, penjalanan kuasa dan pelaksanaan aktiviti Perbadanan, menyertai penyertaan ekuiti, perkongsian, usaha sama, pengusahaan atau apa-apa bentuk kerjasama atau perkiraan yang lain bersama-sama, atau selainnya, dengan—
- (i) sesuatu perusahaan, syarikat, pengusahaan swasta atau sindiket orang yang ditubuhkan bagi menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain;
  - (ii) Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri;
  - (iii) sesuatu badan atau pihak berkuasa awam;
  - (iv) sesuatu suruhanjaya; atau
  - (v) seseorang; dan
- (b) menubuhkan atau menganjurkan penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] untuk menjalankan atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti yang telah dirancang atau diusahakan oleh Perbadanan.

### **Jaminan dan idemniti**

**16.** Perbadanan tidak boleh mengeluarkan apa-apa surat jaminan atau idemniti kepada seseorang di bawah Akta ini tanpa kelulusan bertulis Menteri Kewangan.

### **Jawatankuasa**

**17.** (1) Bagi maksud melaksanakan fungsi Perbadanan, Lembaga boleh menubuhkan jawatankuasa yang difikirkan perlu, dan dengan bidang tugas yang ditentukannya; dan setiap jawatankuasa hendaklah dipengerusikan oleh seorang anggota Lembaga.

(2) Anggota jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) boleh dilantik daripada kalangan anggota Lembaga atau mana-mana orang lain yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(3) Orang-orang yang tidak layak menjadi anggota Lembaga di bawah Jadual adalah juga tidak layak menjadi anggota jawatankuasa.

(4) Anggota jawatankuasa hendaklah memegang jawatan selama apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat pelantikannya dan adalah layak untuk dilantik semula.

(5) Anggota jawatankuasa boleh meletakkan jawatan pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Pengerusi Lembaga.

(6) Lembaga boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota jawatankuasa tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(7) Tertakluk kepada Akta ini dan arahan yang diberikan oleh Lembaga, sesuatu jawatankuasa boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

(8) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu.

(9) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuaratnya bagi maksud menasihatnya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkannya, tetapi orang itu tidak berhak mengundi dalam mesyuarat itu.

(10) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan—

(a) minit kesemua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan

(b) salinan minit kesemua mesyuaratnya dikemukakan kepada Lembaga dengan seberapa segera yang praktik.

(11) Anggota jawatankuasa dan mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (9) hendaklah dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain yang ditentukan oleh Lembaga, selepas berunding dengan Menteri.

### **Pewakilan fungsi**

**18.** (1) Lembaga boleh mewakilkan mana-mana daripada fungsi dan kuasa Perbadanan kepada jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 17 yang difikirkan perlu atau wajar kecuali kuasa untuk membuat peraturan.

(2) Mana-mana fungsi atau kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini—

(a) boleh diwakilkan sedemikian tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang boleh dikenakan oleh Lembaga sama ada secara am atau secara nyata; dan

(b) hendaklah dijalankan atau dilaksanakan oleh jawatankuasa atas nama dan bagi pihak Lembaga.

(3) Perwakilan yang dibuat di bawah seksyen ini tidaklah menghalang Lembaga sendiri daripada menjalankan atau melaksanakan pada bila-bila masa mana-mana fungsi atau kuasa yang diwakilkan sedemikian.

### **Kuasa Menteri untuk memberikan arahan**

**19.** (1) Lembaga hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri.

(2) Menteri boleh memberikan arahan yang tidak tak konsisten dengan peruntukan Akta ini kepada Lembaga dari semasa ke semasa.

(3) Lembaga hendaklah melaksanakan kesemua arahan yang diberikan di bawah seksyen ini dengan seberapa segera yang boleh.

## BAHAGIAN V

### PINJAMAN PENDIDIKAN

#### **Peruntukan pinjaman pendidikan dalam anggaran tahunan**

**20.** (1) Perbadanan hendaklah menyediakan dalam anggaran tahunannya di bawah seksyen 51 apa-apa jumlah wang, yang

dipersetujui oleh Menteri, bagi maksud pinjaman pendidikan di bawah Akta ini.

(2) Peruntukan pinjaman pendidikan di bawah Akta ini hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang dengan syarat bahawa Perbadanan hendaklah menyimpan dan menyenggara Kumpulan Wang dalam keadaan berwang pada sepanjang masa.

### **Pembayaran pinjaman pendidikan**

**21.** (1) Pinjaman pendidikan di bawah Akta ini hendaklah diberikan dan dibayar kepada pelajar yang layak mengikut apa-apa jumlah wang dan cara sebagaimana yang boleh diputuskan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Perbadanan boleh menetapkan apa-apa ujian kemampuan yang difikirkan perlu dan suai manfaat oleh Perbadanan bagi menentukan dan memilih pelajar yang layak bagi pinjaman pendidikan.

### **Kewajipan menyenggara rekod pinjaman pendidikan**

**22.** (1) Perbadanan hendaklah menyimpan atau menyenggara dan menyebabkan untuk disimpan atau disenggara suatu rekod mengenai semua pinjaman pendidikan yang dibayar dari Kumpulan Wang dan pembayaran baliknya.

(2) Rekod yang disimpan dan disenggara di bawah subseksyen (1) hendaklah termasuk yang berikut:

- (a) butir-butir tentang pelajar penerima seperti nombor kad pengenalan, nama dan alamatnya;



- (b) amaun pinjaman pendidikan, jadual pembayaran baliknya, amaun setiap pembayaran balik yang dikehendaki dibuat, tarikh mula berkuat kuasa pembayaran balik, dan rekod pembayaran balik;
- (c) nama institusi pendidikan tinggi di mana pelajar penerima sedang menuntut, kursus pengajian, tempoh belajar dan tarikh jangkaan tamatnya pengajian; dan
- (d) apa-apa butir lain yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Perbadanan bagi maksud Akta ini.

**Ketua Eksekutif boleh mengeluarkan perakuan kepada Ketua Polis Negara atau Ketua Pengarah Imigresen untuk melarang pelajar penerima daripada meninggalkan Malaysia dalam hal keadaan tertentu**

**22A.** (1) Ketua Eksekutif boleh, jika dia berpendapat bahawa mana-mana pelajar penerima adalah dijangka atau berkemungkinan untuk meninggalkan Malaysia tanpa membayar apa-apa wang yang kena dibayar kepada Perbadanan, mengeluarkan kepada Ketua Polis Negara atau Ketua Pengarah Imigresen suatu perakuan yang mengandungi amaun yang kena dibayar kepada Perbadanan bersama dengan permintaan supaya pelajar penerima itu dilarang daripada meninggalkan Malaysia melainkan jika dan sehingga dia membayar semua amaun yang kena dibayar kepada Perbadanan atau mengemukakan jaminan yang memuaskan hati Ketua Eksekutif bagi pembayarannya.

(2) Tertakluk kepada apa-apa perintah yang dikeluarkan atau dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan buang negeri atau imigresen, Ketua Polis Negara atau Ketua Pengarah Imigresen apabila menerima sesuatu permintaan di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan mana-mana

pelajar penerima hendaklah mengambil atau menyebabkan diambil segala langkah sebagaimana yang perlu untuk melaksanakannya dan langkah yang boleh termasuk penggunaan kekerasan yang munasabah dan penyitaan, pembatalan atau penahanan mana-mana perakuan pengenalan dan apa-apa passport, permit keluar atau dokumen perjalanan lain yang berhubungan dengan pelajar penerima itu.

(3) Jika seseorang pelajar penerima yang berkenaan dengannya suatu perakuan telah dikeluarkan di bawah subseksyen (1) mengemukakan suatu pernyataan bertulis yang ditandatangani pada atau selepas tarikh pengeluaran perakuan itu oleh Ketua Eksekutif atau seorang pegawai diberi kuasa yang bermaksud bahawa wang yang kena dibayar kepada Perbadanan yang dinyatakan dalam perakuan itu telah dibayar atau bahawa jaminan telah dikemukakan bagi pembayarannya, maka pernyataan atau pembayaran itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menjadi kuasa yang mencukupi bagi membenarkan pelajar penerima itu meninggalkan Malaysia.

(4) Tiada prosiding undang-undang boleh dimulakan atau dikekalkan terhadap Perbadanan, pegawai dan pekhidmatnya, Kerajaan Malaysia, pegawai polis atau mana-mana pegawai awam berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan secara sah di bawah seksyen ini.

**Perbadanan hendaklah bertanggungjawab bagi mendapatkan dan memungut bayaran balik pinjaman pendidikan**

**23.** (1) Perbadanan hendaklah bertanggungjawab bagi mendapatkan dan memungut bayaran balik pinjaman pendidikan yang dibayar kepada pelajar penerima.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, sesuatu pinjaman pendidikan yang tidak dibayar balik atau yang tertunggak hendaklah dianggap

sebagai suatu hutang sivil yang terhutang oleh pelajar penerima kepada Perbadanan dan Perbadanan boleh menggunakan apa-apa cara di sisi undang-undang untuk mendapatkan hutang itu.

### **Had masa bagi tindakan yang berasaskan kontrak bagi pinjaman pendidikan**

**23A.** Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, apa-apa tindakan yang berasaskan kontrak bagi pinjaman pendidikan tidak boleh dibawa selepas tamatnya tempoh dua belas tahun dari tarikh kausa tindakan itu terakru.

### **Pelantikan ejen pemungutan**

**24.** Tanpa menjejaskan tanggungjawab dan kuasa Perbadanan untuk mendapatkan bayaran balik pinjaman pendidikan di bawah seksyen 23, Perbadanan, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, boleh melantik apa-apa bilangan ejen bagi maksud mendapatkan pinjaman pendidikan itu.

### **Lembaga Hasil Dalam Negeri sebagai ejen pemungutan**

**25.** Tanpa menjejaskan peruntukan seksyen 24, Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah dilantik menjadi ejen pemungutan untuk dan bagi pihak Perbadanan untuk mendapatkan pinjaman pendidikan yang kena dibayar balik oleh pelajar penerima kepada Perbadanan.

### **Bermulanya pembayaran balik pinjaman pendidikan**

**26.** (1) Adalah menjadi kewajipan pelajar penerima untuk membayar balik pinjaman pendidikannya kepada Perbadanan tidak

lewat daripada enam bulan dari tarikh dia menamatkan atau berhenti menjalani kursus pengajian di institusi pendidikan tinggi yang berkenaan dengannya pinjaman telah diberikan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1) dan tertakluk kepada terma dan syarat perjanjian pinjaman pendidikan yang dibuat antara Perbadanan dengan pelajar penerima, Lembaga, atas permohonan yang dibuat oleh pelajar penerima sebelum habis tempoh enam bulan dalam subseksyen (1), boleh melanjutkan tempoh bayaran balik pinjaman pendidikan mengikut apa-apa terma dan syarat yang disifatkan oleh Lembaga patut dikenakan.

### **Mendapatkan dan memungut bayaran balik pinjaman pendidikan**

**27.** (1) Bagi maksud mendapatkan dan memungut bayaran balik pinjaman pendidikan—

- (a) Perbadanan hendaklah mengadakan Lembaga Hasil Dalam Negeri atau ejen pemungutan yang dilantik di bawah seksyen 24—
  - (i) suatu salinan rekod yang disimpan dan disenggara di bawah seksyen 22;
  - (ii) suatu perakuan sebagaimana yang ditetapkan yang ditandatangani oleh Ketua Eksekutif atau pegawai diberi kuasa Perbadanan untuk memperakui amaun pinjaman pendidikan yang hendak didapatkan berkenaan dengan setiap pelajar penerima, dan tarikh pinjaman pendidikan itu kena dibayar balik; dan

- (iii) apa-apa butir lain yang diminta oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri atau ejen pemungutan; dan
- (b) Lembaga Hasil Dalam Negeri atau ejen pemungutan hendaklah—
- (i) menyimpan dan menyenggara rekod pemungutan bayaran balik yang dibuat berkenaan dengan setiap pelajar penerima mengikut apa-apa cara dan mengandungi apa-apa butir yang difikirkan patut dan perlu oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri atau ejen pemungutan untuk menunjukkan halehwal sebenar pemungutan bayaran balik pinjaman pendidikan;
  - (ii) memberi Perbadanan suatu salinan rekod yang disimpan dan disenggara di bawah subperenggan (b)(i) dalam tempoh yang dipersetujui antara Perbadanan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri atau ejen pemungutan; dan
  - (iii) tiap-tiap tiga bulan bermula dari pemungutan pertama bayaran balik pinjaman pendidikan, membayar kepada Perbadanan jumlah wang bayaran balik yang dipungut di bawah Akta ini bersama dengan apa-apa pulangan yang diterima oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri atau ejen pemungutan atas jumlah wang yang dipungut itu.

(2) Lembaga Hasil Dalam Negeri atau ejen pemungutan, mengikut budi bicaranya sendiri, boleh merangka apa-apa kaedah, tatacara dan proses pentadbiran untuk memudahkan pemungutan

bayaran balik pinjaman pendidikan yang kena dibayar kepada Perbadanan.

**Kaedah sah bagi pemungutan bayaran balik pinjaman pendidikan**

**28.** Bagi maksud Akta ini, Lembaga Hasil Dalam Negeri atau ejen pemungutan boleh menggunakan apa-apa kaedah yang dibenarkan di bawah undang-undang untuk melaksanakan pemungutan bayaran balik pinjaman pendidikan berkenaan dengan setiap pelajar penerima.

**Majikan hendaklah membantu Perbadanan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri**

**29.** (1) Adalah menjadi kewajipan seseorang majikan yang mengambil kerja seseorang pelajar penerima, apabila diberitahu secara bertulis dari semasa ke semasa oleh Perbadanan atau Lembaga Hasil Dalam Negeri—

(a) untuk memotong daripada gaji pelajar penerima itu apa-apa jumlah wang yang diberitahukan oleh Perbadanan atau Lembaga Hasil Dalam Negeri, yang merupakan amaun bayaran balik bulanan yang dikehendaki daripada pelajar penerima itu bagi tujuan pelepasan pinjaman pendidikannya; dan

(b) untuk meremit amaun yang dipotong itu kepada Perbadanan atau Lembaga Hasil Dalam Negeri setiap bulan.

(2) Seseorang majikan yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda

tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Perakuan Perbadanan adalah muktamad**

**30.** Perakuan yang dikeluarkan oleh Perbadanan di bawah subperenggan 27(1)(a)(ii) adalah bukti muktamad mengenai amaun pinjaman pendidikan yang belum dijelaskan dan yang kena dibayar oleh pelajar penerima kepada Perbadanan bagi maksud mendapatkan dan memungut bayaran balik pinjaman pendidikan itu oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri atau ejen pemungutan yang dilantik di bawah seksyen 24.

### **Pembayaran komisen kepada ejen pemungutan**

**31.** Perbadanan, dengan kelulusan Menteri Kewangan, boleh membayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri atau ejen pemungutan yang dilantik di bawah seksyen 24, apa-apa kadar komisen bagi perkhidmatan yang diberikan dalam memungut bayaran balik pinjaman pendidikan.

## **BAHAGIAN VI**

### **PENGERUSI, PEGAWAI, PEKHIDMAT**

#### **Pengerusi**

**32.** (1) Pengerusi Lembaga hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga.

(2) Semasa ketiadaan Pengerusi atas apa-apa sebab, Menteri boleh melantik seorang anggota Lembaga, selain Ketua Eksekutif, untuk menjalankan kewajipan Pengerusi.

### **Ketua Eksekutif**

**33.** (1) Lembaga, dengan kelulusan Menteri, boleh melantik seseorang, bergelar “Ketua Eksekutif”, menjadi pegawai eksekutif utama Perbadanan dan meletakkan padanya apa-apa kuasa dan mengenakan ke atasnya apa-apa kewajipan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Ketua Eksekutif adalah bertanggungjawab bagi pentadbiran dan pengurusan fungsi dan hal ehwal hari ke hari Perbadanan pada keseluruhannya.

(3) Ketua Eksekutif hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pegawai dan pekhidmat Perbadanan.

(4) Ketua Eksekutif hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan tambahan yang diarahkan oleh Perbadanan atau Menteri dari semasa ke semasa.

(5) Dalam menunaikan kewajipannya, Ketua Eksekutif hendaklah bertindak di bawah kuasa dan mengikut arahan am Lembaga.

(6) Jika Ketua Eksekutif tidak ada di Malaysia buat sementara atau tidak berupaya buat sementara oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain untuk melaksanakan kewajipannya, Lembaga boleh mengarahkan mana-mana pegawai lain untuk menjalankan kewajipan Ketua Eksekutif semasa Ketua Eksekutif tidak ada atau tidak berupaya buat sementara itu.



**Pelantikan pegawai dan pekhidmat Perbadanan**

**34.** (1) Perbadanan, bagi maksud menjalankan fungsinya di bawah Akta ini, boleh melantik atau mengambil kerja apa-apa bilangan pegawai dan pekhidmat untuk membantu Perbadanan menjalankan fungsi itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Perbadanan, dengan kelulusan Menteri, boleh menentukan terma dan syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmat.

**Pelantikan ejen perunding, dll.**

**35.** Perbadanan boleh melantik atau mengambil kerja mana-mana ejen, perunding termasuk peguam bela dan peguam cara, atau orang lain untuk menjalankan apa-apa urusan atau melakukan apa-apa urusan atau melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki dijalankan atau dilakukan bagi melaksanakan fungsinya atau bagi melaksanakan dengan lebih baik maksud Akta ini.

**36.** *(Dipotong oleh Akta A1296).*

**37.** *(Dipotong oleh Akta A1296).*

**38.** *(Dipotong oleh Akta A1296).*

**39.** *(Dipotong oleh Akta A1296).*

**40.** *(Dipotong oleh Akta A1296).*

41. *(Dipotong oleh Akta A1296).*

42. *(Dipotong oleh Akta A1296).*

43. *(Dipotong oleh Akta A1296).*

44. *(Dipotong oleh Akta A1296).*

**Perbadanan boleh menerima pakai peraturan-peraturan, dll.**

45. Dalam membuat peraturan-peraturan di bawah Bahagian ini, Perbadanan, dengan kelulusan Menteri, boleh menerima pakai dengan apa-apa ubah suaian mana-mana peraturan, kaedah, dasar, pekeliling dan arahan yang diperbuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan.

**Perlindungan daripada liabiliti diri**

46. Tiada seorang pun anggota Lembaga atau mana-mana jawatankuasa, atau pegawai, pekhidmat atau ejen Perbadanan boleh menanggung apa-apa liabiliti diri bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa perbuatan atau peninggalan dalam melaksanakan kuasa atau kewajipannya di bawah Akta ini melainkan jika kerugian atau kerosakan itu disebabkan oleh perbuatan atau peninggalan salah yang disengajakan olehnya.

### **Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948**

**47.** Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] adalah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Perbadanan, atau terhadap mana-mana anggota Lembaga atau mana-mana jawatankuasa, atau mana-mana pegawai, pekhidmat atau ejen Perbadanan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keaiban atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian itu.

### **Pekhidmat awam**

**48.** Pengerusi, semua anggota Lembaga dan mana-mana jawatankuasa, pegawai, pekhidmat dan ejen Perbadanan hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*] semasa menunaikan kewajipan mereka sebagai Pengerusi, anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen itu.

## **BAHAGIAN VII**

### **AM**

### **Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan**

**49.** (1) Perbadanan, dengan kelulusan Menteri, boleh membuat apa-apa peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi pelaksanaan peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan kelulusan makna subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi menetapkan—

- (a) borang yang hendaklah digunakan dan maklumat yang hendaklah diberikan dalam apa-apa permohonan atau bagi apa-apa maksud lain di bawah Akta ini;
- (b) tatacara yang hendaklah diikuti dan fi yang difikirkan patut ditetapkan berkenaan dengan apa-apa permohonan di bawah Akta ini;
- (c) bentuk yang mengikutinya suatu daftar atau rekod lain hendaklah disimpan atau disenggara di bawah Akta ini dan catatan yang hendaklah dibuat dalamnya;
- (d) fi atau caj lain yang hendaklah dikenakan berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan di bawah Akta ini;
- (e) cara pelantikan, dan terma dan syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmat Perbadanan;
- (f) pembayaran gratuiti dan faedah lain kepada pegawai dan pekhidmat Perbadanan;
- (g) terma dan syarat dan tatacara bagi pemberian pinjaman atau pendahuluan kepada mana-mana pegawai atau pekhidmat perbadanan termasuk, jika pinjaman itu adalah bagi maksud membeli atau mendirikan rumah atau melepaskan apa-apa beban atas rumah, syarat bahawa rumah itu termasuk tanah yang menjadi tapaknya hendaklah digadaikan atau diserahkan kepada Perbadanan sebagai cagarang bagi pinjaman itu;
- (h) pembayaran elaun dan faedah lain kepada anggota Lembaga dan jawatankuasa;

- (ha) tanggungjawab, syarat dan tatacara bagi pemberian pinjaman pendidikan kepada mana-mana pelajar penerima;
- (i) apa-apa perkara yang dikehendaki ditetapkan di bawah Akta ini; dan
- (j) apa-apa perkara lain yang difikirkan suai manfaat atau perlu oleh Perbadanan bagi maksud Akta ini.

### **Penalti bagi perundangan subsidiari**

**49A.** Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 49 boleh memperuntukkan bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar peraturan-peraturan itu sebagai suatu kesalahan dan boleh memperuntukkan penalti denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau tempoh pemenjaraan tidak melebihi satu bulan atau kedua-duanya.

### **Kumpulan Wang Rizab**

**50.** (1) Perbadanan hendaklah menubuhkan dan mengurus Kumpulan Wang Rizab dalam Kumpulan Wang.

(2) Perbadanan boleh memindahkan aset ke dalam atau keluar dari Kumpulan Wang Rizab dari semasa ke semasa.

(3) Pemindahan ke dalam Kumpulan Wang Rizab hendaklah ditentukan oleh Perbadanan dan pemindahan keluar oleh Kumpulan Wang Rizab hendaklah ditentukan oleh Menteri.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), amaun wang yang dipindahkan ke dalam Kumpulan Wang Rizab yang berhubungan dengan deposit di bawah seksyen 11 hendaklah mengikut apa-apa

peratusan daripada deposit yang diterima sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

### **Perbelanjaan dan penyediaan anggaran**

**51.** (1) Perbelanjaan Perbadanan hingga sebanyak amaun yang dibenarkan oleh Menteri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

(2) Sebelum permulaan bulan September setiap tahun, Perbadanan hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan bagi tahun berikutnya dalam apa-apa bentuk dan yang mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.

(3) Menteri hendaklah memberitahu Perbadanan sebelum permulaan tahun yang berikutnya amaun yang dibenarkan bagi perbelanjaan pada amnya atau amaun yang dibenarkan bagi setiap jenis perbelanjaan berdasarkan anggaran yang disediakan di bawah subseksyen (2).

(4) Perbadanan boleh mengemukakan kepada Menteri pada bila-bila masa suatu anggaran perbelanjaan tambahan bagi mana-mana satu tahun dan Menteri boleh membenarkan kesemua atau mana-mana bahagian daripada perbelanjaan tambahan yang termasuk dalam anggaran perbelanjaan tambahan itu.

### **Akaun dan laporan**

**52.** (1) Perbadanan hendaklah menyebabkan disimpan akaun yang sepatutnya bagi Kumpulan Wang dan laporan yang sepatutnya mengenai aktiviti-aktivitinya dan hendaklah, dengan seberapa segera

yang praktik selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan disediakan bagi tahun kewangan itu—

- (a) suatu penyata akaun Lembaga yang hendaklah mengandungi kunci kira-kira dan akaun pendapatan dan perbelanjaannya; dan
- (b) suatu pernyataan mengenai aktiviti-aktivitinya.

(2) Lembaga hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin menghantar suatu salinan penyata akaun dalam perenggan (1)(a) dan pernyataan mengenai aktiviti-aktivitinya dalam perenggan (1)(b), yang diperakui oleh juruaudit dan suatu salinan laporan juruaudit kepada Menteri yang hendaklah menyebabkannya dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen.

**Akta Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 adalah terpakai**

**53.** Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] hendaklah terpakai bagi Perbadanan.

**Obligasi menyimpan rahsia**

**54.** (1) Kecuali bagi mana-mana maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, tiada anggota Lembaga, anggota jawatankuasa, pegawai atau pekhidmat Perbadanan boleh mendedahkan apa-apa maklumat yang telah diperolehinya semasa menjalankan kewajipannya dan yang tidak disiarkan menurut Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### **Penalti dalam hal kesalahan berterusan**

**55.** Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini hendaklah, dalam hal kesalahan yang berterusan, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti lain yang boleh dikenakan ke atasnya di bawah Akta ini berkenaan dengan kesalahan itu, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

### **Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan**

**56.** Jika suatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini—

- (a) mana-mana orang yang, pada masa kesalahan itu dilakukan, merupakan pengarah, pengurus, setiausaha, atau pegawai yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan itu, boleh didakwa secara berasingan atau bersesama dalam prosiding yang sama dengan pertubuhan itu; dan
- (b) tiap-tiap pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan itu, yang dalam apa-apa cara, melalui perbuatan atau peninggalan secara langsung atau tidak langsung terlibat dengan atau menjadi pihak dalam pelakuan kesalahan itu hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu,



melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya atau pembiarannya atau bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah atau bahawa dia telah mengambil segala usaha yang wajar bagi mengelakkan kesalahan itu daripada berlaku.

**Perkara yang dilakukan pada menjangkakan bahawa Akta ini akan diperbuat**

57. Segala perkara yang dilakukan oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa bagi pihak Perbadanan pada menyediakan dan ke arah pelaksanaan sepatutnya mana-mana peruntukan Akta ini, dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubungannya, pada menjangkakan bahawa Akta ini akan diperbuat hendaklah disifatkan telah dibenarkan oleh Akta ini, dan segala hak yang diperoleh atau obligasi yang ditanggung bagi pihak Perbadanan daripada apa-apa jua yang dilakukan sedemikian hendaklah, apabila mula berkuat kuasanya Akta ini, disifatkan sebagai hak dan obligasi Perbadanan.

**Penjalanan prosiding sivil**

58. Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, dalam mana-mana prosiding sivil oleh atau terhadap Perbadanan—

- (a) mana-mana orang yang memegang jawatan sebagai Peguam Persekutuan dan diberi kuasa oleh Peguam Negara bagi maksud itu; atau
- (b) mana-mana pegawai Perbadanan yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Pengerusi,

boleh, bagi pihak Perbadanan, memulakan, menghadiri dan menjalankan prosiding itu dan boleh membuat dan melakukan

kesemua kehadiran, tindakan dan permohonan berkenaan dengan prosiding itu.

### **Kuasa untuk mengkompaun**

**59.** (1) Ketua Eksekutif boleh, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya mengkompaunkan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Ketua Eksekutif suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang boleh dibenarkan oleh Ketua Eksekutif, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan atau dilucuthakkan oleh Ketua Eksekutif, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

(4) Semua jumlah wang yang diterima oleh Ketua Eksekutif di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

---

JADUAL

[Subseksyen 8(4)]

**Pelantikan, pembatalan dan peletakan jawatan**

1. (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, Pengerusi dan anggota Lembaga yang dilantik oleh Menteri hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan hendaklah, apabila terhenti daripada menjadi anggota, layak untuk dilantik semula.

(2) Menteri boleh membatalkan pelantikan Pengerusi dan mana-mana anggota yang dilantik olehnya pada bila-bila masa tanpa memberikan apa-apa sebab baginya.

(3) Pengerusi boleh meletakkan jawatan pada bila-bila masa melalui surat yang ditujukan kepada Menteri.

(4) Seseorang anggota yang dilantik oleh Menteri boleh meletakkan jawatan pada bila-bila masa melalui surat yang ditujukan kepada Menteri.

**Pengosongan jawatan**

2. (1) Jawatan Pengerusi atau seseorang anggota Lembaga yang dilantik oleh Menteri hendaklah menjadi kosong—

(a) jika dia mati;

(b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, sesuatu pertuduhan berkenaan dengan—

(i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

- (ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang berhubungan dengan rasuah; atau
- (iii) apa-apa kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (c) jika kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan tugasannya sebagai Pengerusi atau anggota Lembaga atau selainnya, adalah kelakuan yang memburukkan nama Lembaga;
- (d) jika dia menjadi bankrap;
- (e) jika dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajipannya;
- (f) dalam hal Pengerusi, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga tanpa kebenaran Menteri;
- (g) dalam hal seseorang anggota, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi; dan
- (h) dalam hal Pengerusi atau anggota Lembaga—
  - (i) jika peletakan jawatannya diterima oleh Menteri; atau
  - (ii) jika pelantikannya dibatalkan oleh Menteri.

### **Saraan atau elaun**

3. Anggota Lembaga boleh dibayar apa-apa saraan atau elaun daripada Kumpulan Wang sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

### **Mesyuarat**

4. (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat bagi penyegeraan urusannya sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap dua bulan pada masa dan tempat yang ditentukan oleh Pengerusi dari semasa ke semasa.

(2) Pada mana-mana mesyuarat Lembaga, lima anggota hendaklah membentuk kuorum.

(3) Jika mengenai apa-apa soal yang hendak diputuskan oleh Lembaga terdapat bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

#### **Lembaga boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat**

5. (1) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuarat atau perbincangan Lembaga bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkannya, tetapi orang yang diundang itu tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat atau perbincangan itu.

(2) Seseorang yang diundang di bawah subperenggan (1) hendaklah dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Lembaga.

#### **Minit**

6. (1) Lembaga hendaklah menyebabkan minit kesemua mesyuarat Lembaga disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat Lembaga hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya, diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Lembaga yang minit berkenaan dengan prosidingnya telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan kesemua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

#### **Pendedahan kepentingan**

7. (1) Seseorang anggota Lembaga yang, secara langsung atau tidak langsung, mempunyai sendiri atau melalui pekongsinya—

- (a) suatu kepentingan dalam mana-mana syarikat atau usaha yang dengannya Perbadanan bercadang hendak membuat suatu kontrak; atau

- (b) suatu kepentingan dalam suatu kontrak atau perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga,

hendaklah mendedahkan kepada Lembaga hakikat dan jenis kepentingannya itu.

(2) Pendedahan di bawah subperenggan (1) hendaklah direkodkan dalam minit Lembaga dan anggota itu tidak boleh mengambil bahagian dalam perbincangan atau keputusan Lembaga berhubung dengan kontrak atau perkara itu.

### **Kesahan tindakan dan prosiding**

8. Tiada apa-apa tindakan yang dilakukan atau prosiding yang dibuat di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) ada apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau apa-apa kecacatan dalam penubuhan, Lembaga;
- (b) ada pelanggaran peruntukan perenggan 7 oleh mana-mana anggota Lembaga; atau
- (c) ada apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

### **Tatacara**

9. Tertakluk kepada Akta ini, Lembaga hendaklah, mengikut budi bicaranya, menentukan prosidingnya sendiri.

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 566****AKTA PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN  
TINGGI NASIONAL 1997**

## SENARAI PINDAAN

Undang-undang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A1079	Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Pindaan) 2000	16-06-2000
Akta A1296	Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Pindaan) 2007	20-07-2007

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 566****AKTA PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN  
TINGGI NASIONAL 1997****SENARAI SEKSYEN DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A1079	16-06-2000
	Akta A1296	20-07-2007
7	Akta A1296	20-07-2007
11	Akta A1296	20-07-2007
11A	Akta A1296	20-07-2007
15A	Akta A1079	16-06-2000
22A	Akta A1296	20-07-2007
23A	Akta A1296	20-07-2007
29	Akta A1296	20-07-2007
32	Akta A1296	20-07-2007
36	Akta A1296	20-07-2007
37	Akta A1296	20-07-2007
38	Akta A1296	20-07-2007
39	Akta A1296	20-07-2007
40	Akta A1296	20-07-2007
41	Akta A1296	20-07-2007
42	Akta A1296	20-07-2007
43	Akta A1296	20-07-2007
44	Akta A1296	20-07-2007
49	Akta A1296	20-07-2007



Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
49A	Akta A1296	20-07-2007
58	Akta A1296	20-07-2007
59	Akta A1296	20-07-2007

---